

## 4 sungai di Kelantan menyusut

B/HARIAN

MS 22

28/2/19

**Kota Bharu:** Musim panas yang melanda negara ini menyebabkan empat sungai membabitkan lapan kawasan di Kelantan berada bawah paras normal, namun masih terkawal.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Kamal Mustapha, berkata Sungai Kelantan di Pasir Mas kini di paras 1.83 meter berbanding bacaan normal 4 meter (m).

Katanya, air Sungai Golok, Pasir Mas pula di paras 3.76m berbanding bacaan normal 5.0m, manakala air Sungai Golok di Tumpat di paras 0.34m dengan bacaan normal pada 0.7m.

“Walaupun empat sungai utama itu menunjukkan penurunan, ia masih dalam keadaan terkawal.

“JPS akan terus memantau paras air sungai di negeri ini,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

### **Taburan hujan berkurangan**

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataannya Isnin lalu memaklumkan negara kini berada pada penghujung Monsun Timur Laut yang dijangka berakhir pada hujung bulan depan.

Katanya, dalam tempoh itu taburan hujan akan berkurangan di seluruh negara kecuali di barat Sarawak dan ia dijangka beransur reda bermula hujung April 2019 berikutan bermula fasa peralihan monsun yang membawa lebih banyak taburan hujan ke seluruh negara.

Mengulas lanjut, Kamal berkata, paras empangan utama di Bukit Kwong, di Rantau Panjang masih berada di paras normal iaitu 16.76m walaupun cuaca panas kebelakangan ini.

“Bacaan minimum bagi empangan berkenaan 12.20m dan maksimum 17.72m. Ini bermakna keadaan cuaca panas di negeri ini tidak dibimbangkan memandangkan ia masih terkawal,” katanya.